

Strategi Pembelajaran Tatabahasa dan Hubungannya dengan Pengetahuan Sedia Ada Bahasa Arab

(Grammar Learning Strategies and Their Relationship to Existing Arabic Language Knowledge)

ARWA MOHD NADZRI & HARUN BAHARUDIN*

ABSTRAK

Ilmu tatabahasa Arab merupakan asas penting dalam penguasaan bahasa kerana ia menumpukan kepada struktur ayat dan fungsi kata dalam konteks. Kajian ini bertujuan untuk meneliti hubungan antara strategi pembelajaran Tatabahasa dengan pengetahuan bahasa Arab sedia ada dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) di daerah Kota Setar, Kedah. Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan dengan soal selidik sebagai instrumen dan melibatkan 97 orang pelajar tingkatan lima yang dipilih melalui pensampelan rawak strata berkadaran daripada populasi keseluruhan yang berjumlah 133 orang pelajar. Hasil analisis menggunakan ujian korelasi Spearman's Rho menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan dan positif antara strategi pembelajaran Tatabahasa dan pengetahuan bahasa Arab sedia ada, dengan nilai $r = 0.79$ dan $p < 0.001$, menandakan kekuatan hubungan yang tinggi. Dapatan ini mengesahkan bahawa aplikasi strategi pembelajaran Tatabahasa yang berkesan mempunyai hubungan dalam merangsang perkembangan pengetahuan bahasa Arab pelajar, sejajar dengan teori Pawlak (2018) yang menekankan peranan strategi tatabahasa dalam mengembangkan pengetahuan eksplisit dan tersirat serta memperkukuh pemahaman melalui maklum balas pembetulan. Implikasinya, guru bahasa Arab disarankan untuk merancang pengajaran Tatabahasa secara strategik dan kontekstual bagi memperkasa kemahiran berbahasa pelajar, khususnya dalam aspek pertuturan dan penulisan.

Kata Kunci: Tatabahasa, strategi pembelajaran Tatabahasa, pengetahuan bahasa Arab sedia ada

ABSTRACT

Arabic grammar (Nahu) served as a fundamental component in mastering the Arabic language, as it helped learners correct linguistic errors and construct accurate sentence structures. This study aimed to examine the relationship between grammar learning strategies and existing Arabic language knowledge among Form Five students in government-aided religious secondary schools (Sekolah Menengah Agama Rakyat, SMAR) in the Kota Setar district, Kedah. A survey research design was employed using a questionnaire as the main instrument. A total of 97 Form Five students were selected from a population of 133 students through proportionate stratified random sampling. Inferential analysis using Spearman's Rho correlation revealed a significant and positive relationship between grammar learning strategies and students' existing Arabic knowledge, with a correlation coefficient of $r = 0.79$ ($p < 0.001$), indicating a strong association. These findings confirmed that students who frequently applied effective grammar learning strategies tended to demonstrate greater proficiency in Arabic knowledge. This outcome aligned with Pawlak's (2018) theory, which emphasized the role of grammar strategies in fostering both explicit and implicit knowledge, as well as in addressing linguistic errors through corrective feedback. The study suggested that Arabic language teachers should incorporate diverse and contextually relevant grammar strategies to enhance students' communicative abilities, particularly in speaking and writing.

Keywords: grammar, grammar learning strategies, existing Arabic language knowledge

PENGENALAN

Bahasa Arab terus mendapat pengiktirafan sebagai salah satu bahasa utama dunia, bukan sahaja dalam bidang keagamaan, tetapi juga dalam konteks diplomasi, keilmuan dan komunikasi antarabangsa. Namun begitu, pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua sering kali berdepan pelbagai cabaran. Pelajar menghadapi kesukaran akibat kerumitan sistem tulisan, struktur sintaksis yang kompleks dan keluasan kosa kata yang dimiliki bahasa ini (Almelhes, 2024). Tambahan pula, kekurangan guru yang terlatih, kurikulum yang tidak selaras dengan keperluan semasa serta batasan institusi turut menyumbang kepada keberkesanan yang rendah dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Hal ini menimbulkan keperluan untuk merangka pendekatan yang lebih relevan, responsif dan mesra pelajar.

Di Malaysia, bahasa Arab memainkan peranan yang besar dalam sistem pendidikan kerana kedudukannya sebagai bahasa agama, ilmu dan komunikasi global (Mohd Fadzli & Nik Mohd Rahimi, 2021; Nazirah Radin Salim, 2013). Bahasa ini telah diperkenalkan secara rasmi dalam kurikulum kebangsaan dan diajar di sekolah aliran Arab, sekolah berasrama penuh serta institusi pengajian tinggi (Nor Huwaida et al., 2020; Wan Rohani et al., 2017). Sejak tahun 1977, pelbagai usaha telah digerakkan termasuk penggubalan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dan Kurikulum Bersepadu Dini (KBD), yang menekankan tatabahasa sebagai komponen penting dalam penguasaan bahasa (Bahagian Pendidikan Islam, 2023). Namun, kajian mendapati bahawa pelajar masih lemah dalam aspek tatabahasa, terutamanya dalam kemahiran membina ayat dan penulisan, yang seterusnya memberi kesan terhadap kejelasan komunikasi (Rosni Samah, 2012; Che Raziah, 2009; Ellis, 1994; Norjuwaini Hanis & Harun Baharudin, 2021).

Walaupun pelbagai ilmu bahasa seperti *ṣarf* (صرف), *balāghah* (بلاغة) dan *isytiqāq* (اشتقاق) telah diperkenalkan, masalah utama masih berkait rapat dengan strategi pengajaran serta penggunaan bahan bantu mengajar yang kurang sesuai (Eneng Komariyah & Hikmah, 2022). Di samping itu, penguasaan *imla'* (إملاء) dan jurang antara bahasa lisan dan tulisan dalam kalangan pelajar juga masih belum diteroka secara mendalam (Mu'alim & Anna, 2023). Kajian juga menunjukkan bahawa tahap penggunaan strategi pembelajaran tatabahasa berada pada tahap sederhana hingga tinggi (Go et al., 2019; Nakachi, 2021; Nguyen & Le, 2021). Dari sudut pencapaian, kebanyakan kajian melaporkan hubungan positif antara penggunaan strategi dan kejayaan dalam tatabahasa (Al-Shihri, 2019; Çetinkaya & Tilfarlioglu, 2020), walaupun terdapat juga dapatan yang menunjukkan hubungan negatif (Go et al., 2019). Oleh itu, kajian ini bertujuan meninjau strategi

pembelajaran tatabahasa Arab serta hubungannya dengan pengetahuan sedia ada pelajar menengah agama ke arah memperkukuh penguasaan bahasa secara menyeluruh dan berkesan.

SOROTAN LITERATUR

PEMBELAJARAN TATABAHASA ARAB ATAU NAHU

Nahu dari segi bahasa berasal daripada kata kerja Arab *naḥā–yanḥū–naḥwan* (نحا-ينحو-نحو) yang membawa maksud tujuan, arah, jalan atau jenis. Secara istilah, ia merujuk kepada ilmu yang membincangkan kedudukan dan hubungan perkataan dalam struktur ayat serta perubahan baris akhir yang dikenali sebagai *i'rab* (إعراب) (Muhammad 'Aid, 1989; Ibrahim Anis et al. 1972). Ibn Jinni (1903) pula memperluas definisi ini dengan memasukkan aspek-aspek seperti *muthanna* (مثنى), *jamak* (جمع), *tasghīr* (تصغير), *takṣīr* (تكسير) dan *idāfah* (إضافة) yang merupakan komponen penting dalam memahami mekanisme bahasa Arab secara menyeluruh.

Keputusan tatabahasa terletak pada peranannya dalam memperbaiki kesalahan bahasa dan memastikan penyampaian mesej jelas dan tepat. Oleh itu, ia adalah kunci utama yang perlu dikuasai dalam mempelajari setiap bahasa (Mohd Fauzi et al., 2023). Ini kerana, penguasaan tatabahasa yang betul serta tepat dapat mengelakkan kesilapan yang besar dalam pertuturan dan penulisan terutama berkaitan kefahaman makna (Mohd Fauzi et al., 2023; Che Raziah & Pabiah, 2008). Rentetan daripada itu, tatabahasa perlu diajar bagi membantu pelajar bertutur dengan baik, seterusnya membantu mereka dalam meningkatkan kualiti penulisan khususnya bahasa Arab (Muhammad Irfan et al., 2023; Wan Rohani, 2018; Weaver, 1996). Sehubungan itu, pendekatan pengajaran tatabahasa harus bersifat kontekstual dan interaktif agar pelajar tidak melihatnya sebagai sekadar kumpulan peraturan yang membosankan, tetapi sebagai bidang yang dinamik dan bermakna (Dunn & Lindblom, 2003).

STRATEGI PEMBELAJARAN TATABAHASA

Strategi pembelajaran tatabahasa dalam pembelajaran bahasa kedua telah mendapat perhatian luas dalam kalangan penyelidik antarabangsa. Menurut Oxford (2017), strategi ini merujuk kepada pemikiran dan tingkah laku dinamik yang boleh diajar, dipilih dan digunakan secara sedar oleh pelajar dalam konteks tertentu untuk meningkatkan penguasaan tatabahasa secara terkawal sendiri. Seiring dengan itu, Pawlak (2019) menyatakan strategi ini sebagai pemikiran dan tindakan yang disengajakan dan digunakan secara sedar untuk mengawal penggunaan struktur

tatabahasa. Comajoan (2018) pula menekankan aspek kawalan kognitif terhadap tugas pembelajaran, manakala Nguyen dan Le (2021) mentakrifkannya sebagai langkah-langkah khusus yang digunakan untuk meningkatkan keberkesanan pembelajaran tatabahasa. Daripada definisi-definisi ini, dapat dirumuskan bahawa strategi pembelajaran tatabahasa merupakan gabungan pemikiran dan tindakan yang digunakan secara sadar dan bersifat kawalan sendiri, bertujuan meningkatkan penguasaan pelajar terhadap struktur tatabahasa bahasa sasaran.

Strategi pembelajaran tatabahasa boleh dikategorikan kepada enam jenis utama, iaitu strategi kognitif, metakognitif, sosial, afektif, memori dan pampasan (Oxford, 2017). Kajian lepas menunjukkan bahawa tiga strategi paling dominan dalam model pembelajaran ialah strategi kognitif, metakognitif dan sosial (Bayou, 2015; Gurata, 2008; Kemp, 2007; Pawlak, 2018), diikuti oleh strategi afektif (Bayou, 2015; Gurata, 2008), strategi memori (Bayou, 2015; Kemp, 2007) dan strategi pampasan (Bayou, 2015). Oxford (2017) menekankan bahawa penggunaan strategi dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti pendekatan pengajaran, tahap perkembangan, jantina, latar belakang etnik dan linguistik, serta nilai dan kepercayaan pelajar. Kajian tempatan oleh Kamarul Shukri et al. (2000) turut menyatakan bahawa aspek agama dan budaya turut mempengaruhi kecenderungan penggunaan strategi pembelajaran.

Strategi kognitif merupakan strategi paling langsung dalam membantu penghasilan dan pemahaman tatabahasa. Pawlak (2018) mengklasifikasikan strategi ini kepada empat kategori: SPT B1 (penghasilan dan pemahaman dalam tugas komunikasi), SPT B2 (pengembangan pengetahuan secara eksplisit), SPT B3 (pengembangan pengetahuan secara tersirat), dan SPT B4 (mengurus maklum balas pembedahan). Strategi ini sesuai digunakan oleh pelajar tahap pertengahan dan remaja yang sedang dalam fasa memproses pengetahuan (Lim et al., 2021; Vi et al., 2022; Kadir et al., 2020). Bagaimanapun, strategi kognitif sering terjejas apabila kaedah hafalan tradisional masih dominan dalam pengajaran (Alsied et al., 2018; Abu Saa et al., 2022).

Strategi metakognitif pula melibatkan perancangan, pemantauan dan penilaian proses pembelajaran. Ia dianggap sebagai kemahiran eksekutif peringkat tinggi (O'Malley & Chamot, 1990), yang merangkumi tindakan seperti memberi perhatian terhadap struktur tatabahasa ketika membaca, menjadual ulang kaji, dan mencari peluang untuk berlatih (Pawlak, 2018). Namun, strategi ini sukar digunakan dalam kalangan pelajar tahap pertengahan (Vi et al., 2022). Dalam masa yang sama, strategi afektif yang menguruskan emosi dan motivasi pelajar, didapati kurang digunakan apabila pelajar kurang berminat, konservatif, atau enggan berkongsi perasaan (Bayou, 2015; Alsied et al., 2018; Mulugeta & Bayou, 2019).

Strategi sosial melibatkan interaksi dua hala dengan guru dan rakan sebaya. Ia banyak digunakan oleh pelajar tahap pertengahan yang gemar belajar secara kolaboratif (Pawlak, 2018; Kadir et al., 2020; Rima Juniar & Dinda Carissa, 2020). Strategi ini memberi ruang untuk pelajar mempraktikkan tatabahasa dalam komunikasi sebenar. Seterusnya, strategi memori pula berfungsi dengan mewujudkan perkaitan antara konsep, walaupun tidak melibatkan pemahaman yang mendalam. Ia mudah digunakan tetapi memerlukan kerajinan dan ketekunan (Bayou, 2015; Vi et al., 2022). Akhir sekali, strategi pampasan digunakan untuk mengatasi kekurangan dalam penguasaan tatabahasa melalui penggunaan petunjuk linguistik atau bukan linguistik. Walaupun kesannya terhadap pembelajaran kurang signifikan (Pawlak, 2018), ia berguna dalam persekitaran peperiksaan atau situasi komunikasi yang memerlukan penyelesaian segera (Mulugeta & Bayou, 2019).

Kajian terdahulu menunjukkan bahawa pelajar universiti lebih cenderung menggunakan strategi kognitif (Abu Saa et al., 2022; Azizmohammad & Barjesteh, 2020; Vi et al., 2022), diikuti oleh strategi memori, sosial dan metakognitif. Pelajar sekolah menengah pula dilaporkan menggunakan strategi pampasan dan metakognitif (Mulugeta & Bayou, 2019; Ahmad Darussalam & Rajafi, 2022), manakala pelajar sekolah rendah lebih cenderung menggunakan strategi kognitif (Lim et al., 2021). Dari segi bahasa sasaran, pelajar menggunakan strategi kognitif semasa belajar bahasa Inggeris (Abu Saa et al., 2022; Lim et al., 2021), strategi metakognitif untuk bahasa Arab (Norjuwaini Hanis & Harun, 2021), dan strategi sama rata antara kognitif dan memori dalam bahasa Vietnam (Vi et al., 2022). Analisis berdasarkan negara juga menunjukkan variasi: strategi kognitif paling banyak digunakan di Iran, Jepun, Malaysia, Indonesia dan Vietnam, manakala strategi lain seperti metakognitif dan sosial turut digunakan di beberapa negara lain.

PENGETAHUAN SEDIA ADA

Pengetahuan sedia ada merujuk kepada maklumat, kemahiran, dan pengalaman yang dimiliki oleh pelajar sebelum mempelajari sesuatu yang baharu, dan ia terbukti membantu mereka memahami dan mengaitkan konsep baharu dengan lebih berkesan (Grouse et al. 2023; Freire et al. 2021; Dzulkifli, 2023). Walaupun kajian dalam pembelajaran bahasa Arab masih terhad, dapatan dari bidang lain seperti Bahasa Melayu, Matematik dan Sains menunjukkan bahawa pengetahuan terdahulu memberi kesan langsung terhadap hasil pembelajaran (Zaenal & Humaedah, 2021; Al - Naj'iyah et al., 2021; Julie & Rima, 2012).

Proses pembelajaran berlaku apabila pelajar secara aktif membina pengetahuan baharu berdasarkan pengetahuan lama melalui capaian memori dan penaakulan (Oanh & Nhung, 2022; Vaughn & Barnes, 2023; Euis, 2017). Guru pula perlu memahami tahap pengetahuan pelajar bagi mengelakkan pengulangan isi atau pengajaran yang terlalu sukar (Machaba & Lenyai, 2014; Barone, 2015). Pengetahuan ini juga berfungsi untuk meningkatkan tumpuan dan penglibatan pelajar dalam proses memahami teks atau naratif yang kompleks (Ee Ah Meng, dalam Vaughn & Barnes, 2023).

Dalam konteks pengajaran moden, penguasaan guru terhadap isi kandungan, pedagogi dan teknologi sangat penting (Hill et al. 2020; Cimpoeru, 2001; Laudari & Prior, 2020). Integrasi teknologi secara bijak, seperti simulasi dan media digital, mampu memperkaya pengalaman pembelajaran dan menyokong perkembangan pemikiran aras tinggi (Chai et al. 2011; Ali et al. 2023; Kara, 2021; Melkonyan & Matevosyan, 2020; Zhang, 2021). Justeru, guru perlu membina kompetensi digital dan pedagogi yang kukuh agar pembelajaran dapat dilaksanakan dengan berkesan dan relevan.

Pengetahuan sedia ada memainkan peranan penting dalam pembelajaran bahasa Arab kerana ia membantu pelajar mengaitkan maklumat baharu dengan pengalaman lampau (Irfan et al. 2023; Damar & Hastuti, 2020). Walker (2005) menegaskan bahawa guru yang baik perlu mencungkil pengetahuan ini sebelum pengajaran bermula agar pelajar lebih mudah memahami dan mengingat konsep baharu (Akhsan & Ahmadi, 2022; Riwanda et al., 2021). Apabila pengetahuan baharu dikaitkan dengan memori jangka panjang, pelajar akan lebih fokus dan berminat terhadap pelajaran.

Kesediaan belajar juga dipengaruhi oleh latar belakang pelajar. Ee Ah Meng (2003) memberi contoh bahawa pelajar luar bandar lebih mudah menghuraikan topik berkaitan kampung berbanding pelajar bandar kerana perbezaan pengalaman (Mu'alim & Anna, 2023). Dalam pembelajaran bahasa Arab, aspek seperti Tatabahasa, *mufrodāt* (مفردات) dan budaya Arab merupakan bentuk pengetahuan yang boleh dimanfaatkan. Guru boleh mencungkil pengetahuan ini melalui soal jawab dan aktiviti kumpulan (Linda Ayu & Saptian, 2022).

Kajian ini memberi tumpuan kepada pengetahuan sedia ada pelajar dalam aspek Tatabahasa dan kandungan buku teks *Al-Lughah Al-'Arabiah Al-Mu'asirah* yang telah dipelajari. Pengetahuan ini penting sebagai asas untuk memahami pelajaran baharu serta mengaitkannya dengan konteks budaya dan komunikasi (Indrawati & Nurafni, 2021; Mohd Fadzli & Nik Mohd Rahimi, 2021). Pengajaran yang mengambil kira pengetahuan sedia ada berupaya menjadikan pembelajaran bahasa Arab lebih bermakna dan berkesan.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif berbentuk kajian tinjauan di mana ia mengaplikasikan instrumen soal selidik bagi mengenal pasti strategi pembelajaran Tatabahasa dan hubungannya dengan pengetahuan bahasa Arab sedia ada dalam kalangan pelajar tingkatan lima SMAR di negeri Kedah. Justeru, populasi kajian ini terdiri daripada 133 orang pelajar tingkatan lima yang bersekolah di SMAR daerah Kota Setar dan ia merupakan populasi yang besar. Berdasarkan jadual persampelan Krejcie & Morgan (1970), bagi populasi 133 orang, jumlah sampel yang perlu diambil adalah 97 orang responden. Dalam pada itu, kajian ini juga mengaplikasikan kaedah persampelan rawak strata berkadaran dan rawak sistematik sebagai penentuan kepada pemilihan sampel. Jadual 1 menunjukkan bilangan responden tingkatan lima SMAR daerah Kota Setar, Kedah yang terlibat sebagai sampel kajian.

JADUAL 1: Bilangan Pelajar Tingkatan Lima (SMAR) daerah Kota Setar, Kedah mengikut frekuensi dan peratusan.

Bil.	Nama Sekolah	Frekuensi	Peratusan (%)
1.	Sekolah A	19	19.6
2.	Sekolah B	49	50.5
3.	Sekolah C	10	10.3
4.	Sekolah D	19	19.6
	Keseluruhan	97	100

Merujuk kepada jadual 1, terdapat empat buah SMAR yang terlibat dalam kajian ini. Sampel daripada sekolah B telah memberikan nilai frekuensi dan peratusan yang tinggi iaitu 49 orang pelajar (50.5%) kerana para pelajar di sekolah tersebut ramai. Nilai frekuensi kedua tertinggi adalah sebanyak 19 orang pelajar (19.6%) yang berada di sekolah A dan sekolah D manakala sekolah C menunjukkan julat sampel terendah iaitu dalam lingkungan 10 orang pelajar sahaja.

Di samping itu, instrumen soal selidik bagi kajian ini telah diadaptasi dan diubahsuai daripada instrumen Pawlak (2018) dan instrumen Noorazi Rani (2021). Rentetan daripada itu, terbinalah instrumen kajian strategi pembelajaran Tatabahasa dan hubungannya dengan pengetahuan bahasa Arab sedia ada. Instrumen kajian ini mengandungi tiga bahagian iaitu bahagian (A) 5 item maklumat latar belakang responden; bahagian (B) 74 item soalan strategi pembelajaran Tatabahasa dan bahagian (C) 25 item soalan berkaitan dengan pengetahuan bahasa Arab sedia ada. Kesemua item set soalan soal selidik adalah berbentuk pernyataan positif dan responden perlu menjawabnya mengikut skala lima mata sebagaimana yang

telah ditetapkan. Dalam pada itu, ia juga telah melalui proses kesahan dan kebolehpercayaan di mana kesahan kandungan item bagi instrumen ini telah diteliti oleh dua orang panel penilai iaitu daripada seorang pensyarah bahasa Arab dan seorang guru bahasa Arab yang berpengalaman. Manakala, kebolehpercayaan instrumen telah diukur melalui prosedur *Alpha Cronbach* dan nilai yang terhasil bagi instrumen kajian yang dibina ini adalah 0.97 (Sangat Tinggi).

Selanjutnya, kajian ini juga telah mengikuti prosedur pengumpulan data kajian serta telah memperoleh kebenaran daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah berdasarkan nombor rujukan surat Ruj. Kami: Dalam Agama (K) PDDK 253 (47). Ini kerana, populasi yang terlibat bagi kajian ini ialah para pelajar tingkatan lima yang bersekolah di empat buah SMAR bawah kelolaan Bahagian Pendidikan, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah (JAIK). Setelah mendapat kebenaran daripada pihak yang berkenaan dan para pengetua SMAR, proses pengumpulan data telah dijalankan di SMAR yang terlibat dan data kajian yang diperolehi telah dimasukkan ke dalam perisian program SPSS (Versi 27) serta dikod berdasarkan pemboleh ubah-pemboleh ubah kajian. Akhir sekali, data kajian dianalisis dengan menggunakan analisis statistik deskriptif dan inferensi.

DAPATAN KAJIAN

STRATEGI PEMBELAJARAN TATABAHASA YANG SERING DIGUNAKAN OLEH PELAJAR TINGKATAN LIMA SMAR

Strategi pembelajaran Tatabahasa bagi kajian ini diukur berdasarkan jenis strategi iaitu strategi pembelajaran Tatabahasa metakognitif, strategi pembelajaran Tatabahasa kognitif, strategi pembelajaran Tatabahasa afektif dan strategi pembelajaran Tatabahasa sosial. Jadual 2 menunjukkan min dan sisihan piawai strategi pembelajaran Tatabahasa yang sering digunakan oleh pelajar tingkatan lima SMAR.

JADUAL 3: Pengetahuan Bahasa Arab Sedia Ada

Kod	Pernyataan	Min	SP	Interpretasi
C1	Saya boleh mengenal pasti kata nama (اسم), kata kerja (فعل) dan kata sendi (حرف) dalam bahasa Arab dengan mudah.	4.21	0.94	Tinggi
C2	Saya boleh membezakan antara kata nama maskulin (اسم مذکر) dengan kata nama feminin (اسم مؤنث).	4.05	1.21	Tinggi
C3	Saya mampu menyenaraikan sekurang-kurang 5 kata sendi; harf Jar (حروف الجر).	4.22	1.11	Tinggi
C4	Saya boleh mengenal pasti ganti nama bersambung (ضمير متصل) dengan ganti nama tidak bersambung (ضمير منفصل) dengan betul.	3.39	1.25	Sederhana

bersambung ...

JADUAL 2: Min dan Sisihan Piawai Strategi Pembelajaran Tatabahasa

Strategi Pembelajaran Tatabahasa	Min	SP	Interpretasi
Metakognitif	3.26	0.74	Sederhana
Kognitif	3.19	0.74	Sederhana
Afektif	3.05	0.80	Sederhana
Sosial	3.78	0.87	Sederhana
Keseluruhan	3.27	0.71	Sederhana

Merujuk kepada jadual 2, pola penggunaan strategi pembelajaran Tatabahasa dalam kalangan pelajar tingkatan lima SMAR secara keseluruhannya adalah $M = 3.27$ dan $SP = 0.71$. Ini menunjukkan bahawa kekerapan penggunaan strategi pembelajaran Tatabahasa adalah berada pada tahap sederhana. Ia menggambarkan bahawa penggunaan strategi pembelajaran Tatabahasa secara keseluruhan merupakan perlakuan tindakan yang membawa maksud "selalu berlaku pada saya" iaitu kenyataan ini adalah lebih kurang separuh (50%) berlaku pada diri pelajar. Dalam pada itu, strategi sosial telah memaparkan nilai min dan sisihan piawai yang paling tinggi berbanding strategi yang lain iaitu $M = 3.78$, $SP = 0.87$. Ini menunjukkan bahawa pelajar tingkatan lima SMAR kerap menggunakan strategi sosial dalam pembelajaran Tatabahasa mereka.

PENGETAHUAN BAHASA ARAB SEDIA ADA DALAM KALANGAN PELAJAR TINGKATAN LIMA SMAR.

Pengetahuan bahasa Arab sedia ada dalam kajian ini hanya berfokus kepada pengetahuan dalam bidang ilmu Tatabahasa bahasa Arab, maklumat tentang isi kandungan buku teks yang telah dipelajari oleh pelajar tingkatan lima SMAR daripada mata pelajaran *Al-Lughah Al-'Arabiah Al-Mu'asirah* serta pengetahuan sedia ada pelajar tingkatan lima SMAR yang boleh membantu mereka untuk lebih mudah memahami semasa mempelajari mata pelajaran *Al-Lughah Al-'Arabiah Al-Mu'asirah*. Jadual 3 menunjukkan bahawa min dan sisihan piawai pengetahuan bahasa Arab sedia ada dalam kalangan pelajar tingkatan lima SMAR.

... sambungan.

C5	Saya boleh mengenal pasti kata kerja lepas (الفعل الماضي), kata kerja sedang (الفعل المضارع) dan kata perintah (فعل الأمر) dengan betul.	3.81	1.05	Tinggi
C6	Saya boleh menggunakan konjugasi kata kerja bahasa Arab (mentasrif fi'il) (تصريف الفعل) dengan betul.	3.04	1.17	Sederhana
C7	Saya boleh menyenaraikan sekurang-kurang tiga tajuk utama nahu dalam subjek Al-Lughah Al-'Arabiah Al-Mu'asirah.	3.82	1.24	Tinggi
C8	Saya boleh mengenal pasti sekurang-kurang tiga bentuk latihan nahu yang terdapat dalam buku Al-Lughah Al-'Arabiah Al-Mu'asirah.	3.70	1.17	Tinggi
C9	Saya boleh menjelaskan kembali secara lisan sekurang-kurang tiga jenis struktur nahu yang terdapat dalam buku Al-Lughah Al-'Arabiah Al-Mu'asirah. (Contohnya: الفاعل، النائب عن الفاعل، والتائب dan sebagainya).	3.47	1.20	Tinggi
C10	Saya boleh menulis sekurang-kurang tiga jenis struktur nahu bahasa Arab yang terdapat dalam buku Al-Lughah Al-'Arabiah Al-Mu'asirah. (Contohnya: المبتدأ والخبر، مفعول له dan sebagainya).	3.91	1.09	Tinggi
C11	Saya boleh menjelaskan ciri-ciri kata nama (اسم), kata kerja (فعل) dan kata sendi (حرف) bahasa Arab dengan betul.	3.82	1.14	Tinggi
C12	Saya boleh membezakan ciri-ciri kata nama maskulin (اسم مذكر) dengan kata nama feminine (اسم مؤنث) bahasa Arab.	3.91	1.15	Tinggi
C13	Saya mampu mengesan kesilapan penggunaan kata sendi; harf Jar (حروف الجر) dalam ayat.	3.67	1.16	Tinggi
C14	Saya mampu memberi sekurang-kurang tiga contoh ayat menggunakan ganti nama bersambung (ضمير متصل) dan ganti nama tidak bersambung (ضمير منفصل) dengan betul.	3.06	1.10	Sederhana
C15	Saya boleh menukar bentuk ayat menggunakan kata kerja sedang (الفعل المضارع) kepada ayat menggunakan kata perintah (فعل الأمر).	3.23	1.16	Sederhana
C16	Saya boleh membetulkan kesilapan penggunaan ganti nama (الضمائر) dalam ayat.	3.11	1.12	Sederhana
C17	Saya boleh meringkaskan sekurang-kurang tiga tajuk yang dipelajari dalam buku rujukan Al-Lughah Al-'Arabiah Al-Mu'asirah.	3.22	1.22	Sederhana
C18	Saya boleh menerangkan secara mendalam empat kemahiran bahasa Arab yang dipelajari dalam buku rujukan Al-Lughah Al-'Arabiah Al-Mu'asirah.	2.88	1.11	Sederhana
C19	Saya boleh menjelaskan sekurang-kurang tiga bentuk latihan yang terdapat dalam buku rujukan Al-Lughah Al-'Arabiah Al-Mu'asirah.	3.20	1.14	Sederhana
C20	Saya boleh memberi contoh sekurang-kurang tiga jenis struktur nahu bahasa Arab yang terdapat dalam buku rujukan Al-Lughah Al-'Arabiah Al-Mu'asirah.	3.35	1.13	Sederhana
C21	Saya boleh menggunakan bentuk-bentuk latihan yang terdapat dalam buku rujukan Al-Lughah Al-'Arabiah Al-Mu'asirah untuk digunakan dalam subjek-subjek lain.	3.07	1.04	Sederhana
C22	Konsep tatabahasa Arab yang dipelajari membantu saya untuk lebih memahami pembelajaran bahasa lain seperti bahasa Inggeris.	3.13	1.22	Sederhana
C23	Saya boleh membetulkan kesalahan dalam ayat bahasa Arab.	3.02	1.16	Sederhana
C24	Saya boleh membalas e-mel menggunakan bahasa Arab.	2.31	1.15	Rendah
C25	Saya boleh menerangkan kandungan buku rujukan bahasa Arab yang telah dibaca kepada rakan saya.	2.79	1.17	Sederhana
Keseluruhan		3.42	0.09	Tinggi

Merujuk kepada jadual 3, pengetahuan bahasa Arab sedia ada dalam kalangan pelajar tingkatan lima SMAR secara keseluruhannya adalah $M = 3.42$ dan $SP = 0.09$. Hal ini menunjukkan bahawa pengetahuan bahasa Arab sedia ada tingkatan lima adalah berada di tahap yang tinggi. Berdasarkan jadual tersebut juga, dapat dilihat bahawa item pengetahuan bahasa Arab sedia ada C1 telah memaparkan nilai min dan sisihan piawai yang paling

tinggi iaitu $M = 4.21$ dan $SP = 0.94$. Ini membuktikan bahawa 83.5% pelajar tingkatan lima SMAR boleh mengenal pasti kata nama (اسم), kata kerja (فعل) dan kata sendi (حرف) dalam bahasa Arab dengan mudah.

Selanjutnya, nilai min dan sisihan piawai kedua tertinggi adalah item pengetahuan bahasa Arab sedia ada C2 iaitu $M = 4.05$ dan $SP = 1.21$. Berdasarkan item C2 ini, 74.2 % pelajar tingkatan lima SMAR boleh membezakan

antara kata nama maskulin (اسم مذکر) dengan kata nama feminin (اسم مؤنث). Akhir sekali, item pengetahuan bahasa Arab sedia ada yang menunjukkan nilai min dan sisihan piawai paling rendah adalah C24 iaitu $M = 2.31$ dan $SP = 1.15$. Daripada item ini, hanya 15.4% pelajar tingkatan lima SMAR boleh membalas e-mel menggunakan bahasa Arab dan julat hanya dalam lingkungan 6 - 15 orang pelajar sahaja.

HUBUNGAN ANTARA STRATEGI PEMBELAJARAN TATABAHASA DENGAN PENGETAHUAN BAHASA ARAB SEDIA ADA DALAM KALANGAN PELAJAR TINGKATAN LIMA SMAR.

Bagi mengenal pasti hubungan antara strategi pembelajaran Tatabahasa dengan pengetahuan bahasa Arab sedia ada dalam kalangan pelajar tingkatan lima SMAR, kajian ini telah mengaplikasikan analisis inferensi iaitu ujian korelasi Spearman's Rho. Jadual 4 menunjukkan pekali korelasi antara strategi pembelajaran Tatabahasa dengan pengetahuan bahasa Arab sedia ada dalam kalangan pelajar tingkatan lima SMAR.

JADUAL 4: Korelasi antara strategi pembelajaran Tatabahasa dengan pengetahuan bahasa Arab sedia ada dalam kalangan pelajar tingkatan lima SMAR.

Hubungan Antara Pemboleh Ubah	r	r ²	Sig.
Strategi Pembelajaran Tatabahasa - Pengetahuan Bahasa Arab Sedia Ada	0.79	0.62	< 0.001

Sig. Pada Aras 0.01

Jadual 4 menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan positif antara strategi pembelajaran Tatabahasa dengan pengetahuan bahasa Arab sedia ada dalam kalangan pelajar tingkatan lima SMAR. Nilai pekali korelasi yang diperoleh adalah $r = 0.79$ dengan tahap signifikan ($p < 0.001$). Menurut Cohen & Holiday (1982) dalam kajian Suhaidah (2015), interpretasi nilai pekali korelasi ini memaparkan kekuatan hubungan yang tinggi. Dalam pada itu, dapatan ini juga membuktikan bahawa semakin berkesan strategi pembelajaran Tatabahasa yang digunakan, semakin tinggi pengetahuan bahasa Arab sedia ada yang dimiliki oleh pelajar. Hal ini juga secara tidak langsung membuktikan bahawa pendekatan strategi pembelajaran memainkan peranan penting dalam menyokong penguasaan awal pelajar terhadap bahasa Arab.

PERBINCANGAN

Hasil analisis deskriptif pengetahuan bahasa Arab sedia ada bagi kalangan pelajar tingkatan lima SMAR menunjukkan berada di tahap yang tinggi. Akan tetapi,

terdapat satu item pengetahuan bahasa Arab sedia ada berada di tahap yang rendah iaitu item C24. Daripada item ini, hanya 15.4% pelajar tingkatan lima SMAR boleh membalas e-mel menggunakan bahasa Arab dan julat hanya dalam lingkungan 6 - 15 orang pelajar sahaja. Hal ini menunjukkan bahawa para pelajar kurang didedahkan dengan pengetahuan bahasa Arab dalam kemahiran komunikasi kerana ia amat memerlukan penguasaan kesemua komponen-komponen bahasa Arab khususnya aspek tatabahasa. Oleh itu, ia menjadi sukar buat para pelajar dan guru tambahan pula apabila mereka perlu mengesan kesalahan serta membetulkannya dalam bahasa Arab dengan tepat. Dalam pada itu, ia juga bukan hanya melibatkan kemahiran tatabahasa sahaja malah ia juga merangkumi kemahiran penggunaan teknologi. Bertitik-tolak daripada permasalahan tersebut, para tenaga pengajar bahasa Arab haruslah mengadakan sesi pembelajaran bahasa Arab dengan jaringan teknologi agar kompetensi para pelajar dalam bidang bahasa Arab dapat dipertingkatkan lagi.

Hasil analisis deskriptif bagi pola penggunaan strategi pembelajaran Tatabahasa dalam kalangan pelajar tingkatan lima SMAR berada pada tahap sederhana. Ini menunjukkan bahawa hanya lebih kurang separuh (50%) pelajar kerap menggunakan strategi pembelajaran Tatabahasa. Namun, para pelajar tingkatan lima SMAR bagi kajian ini kurang menggunakan strategi afektif. Hal ini terjadi mungkin kerana mereka hanya berfokus kepada persediaan untuk menjawab peperiksaan sahaja (Oxford et al, 2004). Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan dan positif antara strategi pembelajaran Tatabahasa dengan pengetahuan bahasa Arab sedia ada dalam kalangan pelajar Tingkatan Lima SMAR, berdasarkan ujian korelasi Spearman's Rho dengan nilai $r = 0.79$ dan $p < 0.001$. Nilai ini menunjukkan kekuatan hubungan yang tinggi menurut tafsiran Cohen & Holiday seperti dilaporkan dalam kajian Suhaidah (2015), sekali gus menandakan kesahan hubungan antara strategi pembelajaran dan pengetahuan sedia ada (Samira et al., 2023). Penemuan ini selari dengan dapatan terdahulu yang menyatakan bahawa strategi pembelajaran memainkan peranan penting dalam menstruktur pemahaman dan pengaplikasian bahasa Arab secara efektif (Damar & Hastuti, 2020). Kajian ini juga menyokong pandangan bahawa perkembangan penguasaan bahasa Arab berkait erat dengan konteks sejarah dan linguistiknya, khususnya sebagai bahasa wahyu dan ilmu (Nor Huwaida et al. 2020).

Impak utama dapatan ini adalah pengiktirafan terhadap keperluan strategi pembelajaran Tatabahasa yang lebih sistematik dan bersesuaian dengan gaya pembelajaran pelajar. Guru perlu lebih proaktif dalam membimbing pelajar menggunakan pendekatan yang berasaskan kefahaman kontekstual, bukan hanya hafalan hukum

semata-mata (Akhsan & Ahmadi, 2022). Strategi yang berkesan seperti pengajaran berasaskan induktif, latihan berulang secara bertahap, serta penerapan kaedah kolaboratif akan membantu pelajar mengaitkan konsep Tatabahasa dengan penggunaannya dalam komunikasi sebenar. Ini amat penting kerana penguasaan Tatabahasa bukan sahaja menjadi asas kefasihan bahasa Arab, malah menyumbang kepada peningkatan prestasi pelajar dalam kemahiran menulis dan bertutur secara tepat dan bermakna (Supeno & Iman, 2020).

Selain itu, kajian ini memberi implikasi langsung kepada pembinaan kurikulum yang lebih responsif terhadap keperluan pembelajaran Tatabahasa dan penguasaan bahasa Arab secara keseluruhan. Kurikulum perlu disusun dengan jelas dari segi objektif, peringkat pengajaran, strategi penilaian, serta pemilihan bahan bantu mengajar (Linda Ayu & Saptian, 2022). Aktiviti PdP juga perlu melibatkan pengetahuan dan kemahiran menulis, yang membolehkan pelajar mengaplikasikan tatabahasa Arab dalam bentuk ekspresi bertulis yang tepat (Mu'alim & Anna, 2023). Tambahan pula, pelaksanaan penilaian formatif yang tidak berasaskan kertas (paperless formative assessment) dapat membantu guru memantau perkembangan pelajar secara lebih efisien dan memberi maklum balas yang segera dan membina (Adella et al. 2022). Oleh itu, usaha memperkukuh strategi pembelajaran Tatabahasa bukan sahaja meningkatkan penguasaan linguistik, malah turut memupuk keyakinan pelajar dalam menggunakan bahasa Arab dalam pelbagai konteks komunikasi dan penulisan ilmiah (Mohd Fadzli & Nik Mohd Rahimi, 2021; Nor Huwaida et al. 2020).

KESIMPULAN

Dapatan kajian ini mengesahkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan dan positif antara strategi pembelajaran Tatabahasa dengan pengetahuan bahasa Arab sedia ada dalam kalangan pelajar tingkatan lima SMAR. Hubungan ini menunjukkan bahawa semakin kerap dan berkesan strategi pembelajaran tatabahasa diaplikasikan, semakin tinggi tahap penguasaan pelajar terhadap elemen-elemen asas bahasa Arab. Penemuan ini menyokong kerangka teori oleh Pawlak (2018) yang menekankan bahawa strategi pembelajaran tatabahasa bukan sahaja memperkukuh pemahaman eksplisit dan tersirat, malah membantu pelajar menangani kesilapan melalui maklum balas pembetulan. Sehubungan itu, para guru bahasa Arab disarankan untuk merancang pengajaran Tatabahasa secara lebih strategik dan sistematik dengan memanfaatkan pelbagai strategi pembelajaran yang selaras dengan keperluan pelajar dan objektif pembelajaran. Langkah ini bukan sahaja akan memperkukuh pemahaman pelajar terhadap struktur tatabahasa, malah turut memberi impak

positif kepada penguasaan kemahiran bertutur dan penulisan mereka. Walau bagaimanapun, kajian ini terbatas kepada sukatan pelajaran Kurikulum Bersepadu Dini Menengah Atas dan Tingkatan Enam Dini (KBD). Oleh itu, kajian lanjutan disarankan untuk dijalankan ke atas pelajar yang mengikuti sukatan pelajaran Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) bagi memperoleh gambaran yang lebih menyeluruh dan representatif tentang hubungan antara strategi pembelajaran Tatabahasa dan penguasaan bahasa Arab dalam konteks pendidikan semasa.

RUJUKAN

- Abu Saa, N. A. K., Abu Saa, J. W., & Jabsheh, A.-A.-H. M. M. (2022). Strategies of Learning English Vocabulary and Grammar by Freshmen University Students: A Case Study of An-Najah National University and Palestine Technical University-Kadoorie (PTUK) Tulkarm. *International Journal of Linguistics, Literature and Translation*, 5(2), 50–59.
- Adella Ira Wanti & Qurrotul A'yuni & Dewi Chamidah. 2022. Model dan Praktik: Asesmen Formatif – Non Paper – Based dalam Pembelajaran Bahasa Arab. *Arabi: Journal of Arabic Studies* 7(1): 76 – 92.
- Ahmad Darussalam, & Rajafi, G. al. (2022). Learning grammar strategies used by student of STIT Ibnu Rusyd Tanah Grogot (Metacognitive and Cognitive Strategies). *ELT-Lectura: Studies and Perspectives in English Language Teaching*, 9(2).
- Akhsan Akhsan & Ahmadi Muhammadiyah. 2022. Analisis Terhadap Motivasi Belajar Siswa pada Pembelajaran Bahasa Arab di MTs-Nu Al-Islamiah Asembagus Menurut Teori MC Clellad. *Lahjah Arabiyah: Jurnal Bahasa Arab dan Pendidikan Bahasa Arab* 3(2): 132-138.
- Ali, D. A., Meniari, A. E., Filali, S. E., Morabite, O., Senhaji, F., & Khabbache, H. 2023. Empirical Research on Technological Pedagogical Content Knowledge (TPACK) Framework in Health Professions Education: A Literature Review. *Medical Science Educator* 33(3), 791 – 803.
- Al-Naj'iyah, Viyanti, Agus Sayutna. 2021. Learning Strategies Design to Accommodate Learning Styles, Initial Knowledge and Reduce the Differences of Scientific Reasoning and Argumentation Performance. *Journal of Physics: Conference Series* 1788(1): 012031.
- Alsied, S. M., Ibrahim, N. W., & Pathan, M. M. (2018). The Use of Grammar Learning Strategies by Libyan EFL Learners at Sebha University. *ASIAN TEFL: Journal of Language Teaching and Applied Linguistics*, 1(1), 37–51
- Azizmohammad, F., & Barjesteh, H. (2020). On the relationship between EFL learners' grammar learning strategy use and their grammar performance:

- Learners' gender in focus. *Journal of Language Teaching and Research*, 11(4).
- Bahagian Pendidikan Islam. 2023. Kurikulum Standard Sekolah Menengah Al-Lughah Al 'Arabiah Al-Mua'sirah. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).
- Barone, D. 2015. Challenging Background Knowledge Within Children's Literature. *Childhood Education* 91(1), 16 – 23.
- Bayou, Y. (2015). *Grammar Learning Strategies Use of Grade 11 Students at Medhanealem Preparatory School*. Addis Ababa University.
- Çetinkaya, I. G., & Tilfarlioglu, F. Y. (2020). Three factors affecting language learning: Grammar learning strategies, self-efficacy, and learner autonomy. *Universal Journal of Educational Research*, 8(7), 2929–2936.
- Chai, C. S., Koh, J. H. L., Tsai, C., & Tan, L. 2011. Modeling Primary School Pre-service Teachers' Technological Pedagogical Content Knowledge (TPACK) for Meaningful Learning with ICT. *Computers & Education* 57(1): 1184 – 1193.
- Che Raziah Mezah & Pabiyah Haji Maming. 2008. Kepentingan memahami ilmu al-sarf dalam menginterpretasi makna hadis: satu kajian kes. Prosiding Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan Kali Ke-6, hlm:647-656.
- Che Raziah Mezah. 2009. *Kesilapan leksikal dalam pembelajaran bahasa Arab*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Cimpoeru, C. S. 2001. Teachers' Pedagogical Content Knowledge and New Structures for Subject Matter Content. (online research paper). <https://scholarworks.uni.edu/cgi/viewcontent.cgi?article=1455&context=grp>
- Cohen, L & Holiday, M. 1982. *Statistics for social scientists*. London: Harper & Row.
- Comajoan, L. (2018). Cognitive grammar learning strategies in the acquisition of tense-aspect morphology in L3 Catalan. *Language Acquisition*, 26(3), 262–281.
- Damar Gemilang & Hastuti Listiana. 2020. Teaching Media in the Teaching of Arabic Language. *ATHLA Journal of Arabic Teaching Linguistic and Literature* 1(1): 49 – 64.
- Dunn, P.A & Lindblom, K. 2003. Why revitalize grammar?. *English Journal* 92(2): 43-50.
- Dzulkifli Abdul Razak. 2023. Integration of Knowledge: Connecting the Dots. *International Journal on Integration of Knowledge* 1(1): 1 – 11.
- Ee Ah Meng. 2003. *Ilmu Pendidikan Pengetahuan Dan Ketrampilan Ikhtisas*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Ellis, R. 1994. *The study of second language acquisition*. Oxford: Oxford University Press.
- Eneng Komariyah Maimun & Hikmah Maulani. 2022. Analysis of Learning Problems Bahasa Arab Peminatan for Class XII Students of Religious Programs. *Alsuna: Journal of Arabic and English Language* 5(2): 114 – 134.
- Euis Nurhidayati. 2017. Pedagogi Konstruktivisme dalam Praksis Pendidikan Indonesia. *Indonesian Journal of Educational Counseling* 1(1): 1 – 14
- Freire, E. E. E., Camayd, Y. R., Correia, G. R. C., & Tchimala, A. C. J. 2021. Transcendência Dos Conhecimento Prévio No Processo De Ensino-aprendizagem. *Sociedad & Tecnología* 4(2): 236 – 247.
- Go, Y., Zhang, S., & Rahardjanti, T. (2019). Grammar learning strategies applied at the Chinese department of Bina Nusantara University. *Humaniora*, 10(1), 13–18.
- Grouse Oematan, Utma Aspatria, Tasalina Yohana Parameswari Gustam. 2023. Pendidikan Kesehatan pada Anak Sekolah Dasar. *GOTAVA Jurnal Pengabdian Kepada Masyarakat* 1(1): 21 – 25.
- Gurata, A. (2008). *The Grammar Learning Strategies Employed by Turkish University Preparatory School EFL Students* (Unpublished master's thesis). Bilkent University.
- Hill, H. C., Lynch, K., Gonzalez, K., & Pollard, C. 2020. Professional Development that Improves STEM Outcomes. *Phi Delta Kappan* 101(5), 50 – 56.
- Ibn Jinni, Abu Al-Fath Uthman. 1903. *Al-Khasa'is*. Al-Qahirah: Dar Al-Kutub Al-Misriyyah.
- Ibrahim Anis, 'Abd Halim Muntasir, 'Atiyyah Al-Sawalihi & Muhammad Khalf Allah Ahmad. 1972. *Al-Mu'jam Al-Wasit*. Edisi Kedua. Al-Qahirah: Dar Al-Maarif.
- Ismail, I., & Dedi, D. (2021). Grammar learning strategies practice: An investigation of strategies-based instruction effect on grammatical competence. *ELS Journal on Interdisciplinary Studies in Humanities*, 4(3), 260–265.
- Julie G Nyquist & Rima Jubran. 2012. How Learning Works: Seven Research-Based Principles for Smart Teaching. *Journal of Chiropractic Education* 26(2) : 192 – 193.
- Junaidi Mistar, & Alfian Zuhairi. (2020). Grammar learning strategies across individual differences and their relationship with grammar mastery. *Asian EFL Journal Research Articles*, 27(1), 89–108.
- Kadir, Z. R., Zuhairi, A., & Suhartoyo, E. (2020). The study of learning strategies used by Indonesian EFL learners in learning English grammar. *International Journal of English Learning and Applied Linguistics (IJELAL)*, 1(1), 1–15.
- Kamarul Shukri Mat Teh, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, & Mohamed Amin Embi. (2000). Hubungan penggunaan strategi pembelajaran bahasa dengan tahap penguasaan bahasa Arab. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 1(1), 41–56.
- Kara, S. 2021. An Investigation of Technological Pedagogical and Content Knowledge (TPACK)

- Competencies of Pre-Service Visual Arts Teachers. *International Journal of Technology in Education* 4(3), 527 – 541.
- Kemp, C. (2007). Strategic processing in grammar learning: Do multilinguals use more strategies? *International Journal of Multilingualism*, 4(4), 241–261.
- Krejcie & Morgan. 1970. Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological* 3(30): 607- 610.
- Laudari, S., & Prior, J. 2020. Examining the Technological, Pedagogical and Content Knowledge of Nepalese Teacher Educators. *Journal of NELTA*, 25(1-2): 43 – 61.
- Lim, T. M., Lee Sze, D. W., Raki, D., Lim, L. M., Sani, S., & Hashim, H. (2021). Year 6 Pupils' Language Learning Strategies in Learning English Grammar. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(4), 1196–1209.
- Linda Ayu Khuroidah & Saptian Diki Saputra. 2022. Pengetahuan Awal dan Kaitannya dengan Pembelajaran Bahasa Arab. *Arabiyatuna: Jurnal Bahasa Arab* 6(1): 33 – 46.
- Machaba, M. M., & Lenyai, M. E. 2014. Aspects that Pose Challenges in the Teaching of Mathematics at Grade 3 Level. *Mediterranean Journal of Social Sciences* 5(2): 535- 540.
- Melkonyan, A., & Matevosyan, A. 2020. Technology-assisted Foreign Language Learning (TALL) in the Digital Age. *SHS Web of Conferences* 88(6-8): 02005.
- Mohd Fadzli Ismail & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. 2021. Language Learning Strategies and Readability of Form Four KBD Arabic Textbooks. *Ijaz Arabic Journal of Arabic Learning* 4(3): 750 – 764.
- Mu'alim Wijaya & Anna Kholifah. 2023. Kesalahan Penulisan Bahasa Arab dalam Pembelajaran Imla' bagi Siswa Kelas IV Madrasah Ibtida'iyah. *Jurnal Education FKIP UNMA* 9(2): 956 – 963.
- Muhammad 'Aid. 1989. *Qadaya Mu'asirah Fi Al-Dirasat Al-Lughawiyah Wa Al-Adabiyah*. Al-Qahirah: 'Alam Al-Kutub.
- Muhammad Fauzi Abdul Hamid, Zulazhan Ab. Halim & Mohd Firdaus Yahaya. 2023. Kepentingan Ilmu Nahu dalam Memahami Teks Syarak. *Malaysian Journal for Islamic Studies* 7(2): 87-94.
- Muhammad Irfan Mhd Rusdi, Ibrahim Abdullah, Fariz Azzuan Amat Sapuria, Muhammad Syaffiq Mohammed Raffi & Farhana Ghazuddin. 2023. Kajian Literatur: Hubungkait Penguasaan Tatabahasa Arab dan Kemahiran Menulis. *Bitara International Journal of Civilization Studies and Human Sciences* 6(3): 99-108.
- Mulugeta, F., & Bayou, Y. (2019). Grammar learning strategies use of preparatory school students: Gender in focus. *Ethiopian Journal of Education*, 39(2), 115–144.
- Myung, H. J. (2018). A study on the Korean grammar learning strategies by foreigners. *Korean Language Research*, 53(4), 339–362.
- Nakachi, K. (2021). Grammar learning strategy use by English-major university students: An investigation with Grammar Learning Strategy Inventory (GLSI). *Nagoya JALT Journal*, 2(1), 53–70.
- Nazirah Radin Salim. 2013. Tahap Pengetahuan Sedia Ada Pelajar Tentang Kata Pinjaman Arab dan Hubungannya dengan Pencapaian Bahasa Arab. Tesis Sarjana. Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Nguyen, D. N. H., & Le, T. T. T. (2021). Grammar learning strategies of non-English majors at Thu Dau Mot University. *HCMCOUJS-Social Sciences*, 11(2), 125–138.
- Noorazi Rani. 2021. Pengaruh Faktor Pembaca Terhadap Kebolehbacaan Buku Rujukan Bahasa Arab di Institut Pendidikan Guru. Tesis Dr. Fal. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Huwaida Mohd Hasan, Taj Rijal Muhamad Romli & Muhammad Nuqman Basir. 2020. Analisis Terjemahan Kata Nama Khas Melayu-Arab dalam Novel 'Al-Ustaz'. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities* 4(3): 135 – 143.
- Norjuwaini Hanis Jamaluddin & Harun Baharudin. 2021. Tahap Penggunaan Strategi Pembelajaran Nahu dan Penguasaan Kata Kerja Arab dalam Kalangan Pelajar Pengajian Arab di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)* 1(2): 86-97.
- O'Malley, J. M., & Chamot, A. U. (1990). *Learning strategies in second language acquisition*. Cambridge University Press.
- Oanh, P. T. K., & Nhung, N. T. H. 2022. Constructivism learning theory: A Paradigm for Teaching and Learning English in secondary education in Vietnam. *International Journal of Scientific and Research Publications* 12(12): 93.
- Oxford, R. L. (2017). *Teaching and researching language learning strategies: Self-regulation in context* (2nd ed.). Routledge.
- Oxford, R.L. 1990. *Language Learning Strategies: What Every Teacher Should Know*. Boston: Heinie & Heinie.
- Oxford, R.L., Cho, Y., Leung, S. & Kim, H.J. 2004. Effect of the Presence and Difficulty of Task on Strategy Use: An Exploratory Study. *IRAL, International Review Of Applied Linguistics In Language Teaching* 42(1): 1-47.
- Pawlak, M. (2019). Grammar learning strategies as a key to mastering second language grammar: A research agenda. *Language Teaching*, 53(3), 358–370.
- Pawlak, M. 2018. Grammar Learning Strategy Inventory (GLSI): Another Look. *Studies in Second Language Learning and Teaching (SSLLT)* 8(2): 351-379.

- Rima Juniar, & Dinda Carissa. (2020). A survey of grammar learning strategies used by EFL learners in Indonesia. *International Journal of Education and Pedagogy*, 2(1), 160–171.
- Riwanda, A., Firdaus, S., & Rachmawati, D. 2021. Hubungan Antara Aktivasi Pengetahuan Awal dan Minat Belajar Siswa. *Jurnal Pendidikan Interaktif* 3(2): 90 – 98.
- Rosni Samah. 2012. Pembinaan Ayat Bahasa Arab dalam Kalangan Lulusan Sekolah Menengah Agama. *Gema Online Journal of Language Studies* 12(2): 555-569.
- Samira M Abas, Usman Moonti, Ivan Rahmat Santoso, Melizubaida Mahmud, Agil Bahsoan & Sudirman Sudirman. 2023. Pengaruh Minat dalam Memilih Program Keahlian Akuntansi Terhadap Prestasi Belajar Siswa Kelas Negeri 1 Batudaa Kabupaten Gorontalo. *Journal of Economic and Business Education* 1(2): 146 – 152.
- Suhaidah Abdul Samat. 2015. Strategi pembelajaran nahu bahasa Arab di Sekolah-Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) Perak. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Supakorn, P., Feng, M., & Limmun, W. (2018). Strategies for better learning of English grammar: Chinese vs. Thais. *English Language Teaching*, 11(3), 24–39.
- Supeno & Imam Suseno. 2020. Penerapan Teknik Jigsaw untuk Meningkatkan Keterampilan Memahami Bacaan Bahasa Inggris dengan Memperhatikan Sikap Berbahasa Siswa. *DEIKSIS* 12(1): 106 – 115.
- Syafryadin, Lis Sujarwati, & Dedy Sofyan. (2022). English learning grammar strategies: Achievement, obstacles, and solution. *ELTIN Journal: Journal of English Language Teaching in Indonesia*, 10(2), 166–173.
- Truong, T. N. N., Noordin, N., Ismail, L., & Yahya, Y. (2022). Revisiting views of grammar and grammar learning strategy use: A multiple case study in Vietnam. *Language Value*, 15(1), 52–80. <https://doi.org/10.6035/languagev.6124>
- Vaughn, S., & Barnes, M. A. 2023. Reading Comprehension for Students with Reading Disabilities: Progress and Challenges. *Learning and Individual Differences* 102(4): 102258.
- Vi, T. T. P., Nguyen, T. T. K., & Ma, P. T. (2022). An investigation of English-majored students' strategies for learning English grammar at Thai Nguyen University of Technology. *Journal of Applied Linguistics and Language Research (JALLR)*, 9(2), 40–80.
- Walker, D.T. 2005. *10 Best Teaching Practices*. 2nd Edition. Carlifornia: Corwin Press, Inc.
- Wan Rohani Wan Mohktar, Mohd Zaki Abd. Rahman, Mohamad Azrien Mohamed Adnan & Nor Hazrul Mohd Salleh. 2018. Penguasaan Tatabahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Asasi Universiti Awam Malaysia. *Al-Basirah* 7 (2): 23-41.
- Weaver, C. 1996. Teaching grammar in the context of writing. *English Journal* 85(7): 15 - 24.
- Zaenal Arifin & Humaedah Humaedah. Application of Theory Operant Conditioning BF Skinner's in PAI Learning. *Journal of Contemporary Islamic Education* 1(2): 101 – 110.
- Zhang, J. 2021. Integrative Analytics for Technological Pedagogical Content Knowledge. *Complexity*, 2021(1): 1-10.

Arwa Mohd Nadzri
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Harun Baharudin*
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia

*Penulis Perhubungan: harunbaharudin@ukm.edu.my

Dihantar: 30 Jun 2025
Dimilai: 10 Julai 2025
Diterima: 15 Ogos 2025
Diterbitkan: 30 November 2025